



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

24 MEI 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU: KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	24 MEI 2017 (RABU)	MALAYSIAN DIGEST One Dead, Two Unconscious After Inhaling Fumes During Tankship Repair Work	JKKP

AKHBAR: MALAYSIAN DIGEST

One Dead, Two Unconscious After Inhaling Fumes During Tankship Repair Work



TAWAU: A man died from fume inhalation while two others were found unconscious when they were carrying out cleaning and repair works on board a tankship at Jalan Tinagat, Apas Parit, here. The deceased has been identified as Tsen Gaw Min, 29, and his two colleagues are Jamaludin Lalo and Adi Lali. Acting district fire and rescue chief Faisal Ahmad said the department received a distress call at 3.13pm about three workers being trapped inside a ship and deployed 14 personnel to the scene.

“The tankship was used to transport rocks from a nearby quarry and had anchored at the mainland after it was experiencing a leakage that had caused water to seep in. “We were informed that the three workers were draining the water and had used a water suction pump. They had also used welding tools.

“One of them had gone into an enclosed space in the ship to repair the leak but collapsed after inhaling the welding fume,” he said. Faisal said the two other workers also collapsed after they entered the space in a bid to rescue their co-worker. Fire fighters retrieved all three men from the ship but Tsen was pronounced dead by paramedics, who were despatched to the scene. “The two unconscious victims have been rushed to the hospital,” said Faisal. - *NST*

ISU: JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	24 MEI 2017 (RABU)	SINAR Gesa tubuh jawatankuasa keselamatan dan kesihatan	JKKP NIOSH CEUPACS

AKHBAR: SINAR HARIAN

Gesa tubuh jawatankuasa keselamatan dan kesihatan



Azih Muda

KUALA TERENGGANU - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (Ceupacs) menggesa agensi-agensi kerajaan menubuhkan jawatankuasa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) agar nasib penjawat awam yang berhadapan risiko keselamatan dan kesihatan ketika dalam perkhidmatan, terbela. Presiden Ceupacs, Datuk Azih Muda berkata setiap tahun, jumlah penjawat awam yang berhadapan risiko isu keselamatan dan kesihatan meningkat dengan ketara disebabkan kurangnya langkah mencegah dalam menangani isu ini di agensi masing-masing. Katanya sebagai contoh, Kementerian Pendidikan yang mempunyai kira-kira setengah juta kakitangan dilihat tidak mempunyai pasukan petugas sendiri bagi menangani isu itu sedangkan ia amat penting khususnya kepada guru-guru dan para pelajar yang terdedah kepada risiko itu setiap masa.

"Terdapat lebih 700 agensi kerajaan yang lain tetapi amat kurang daripadanya yang menubuhkan JKKP dan ini menyebabkan penjawat awam terdedah kepada pelbagai risiko semasa menjalankan tugas." JKKP ini seharusnya perlu diwujudkan di setiap agensi kerana jika tiada satu pihak yang bertanggungjawab dalam isu itu, ia tidak dapat diselenggarakan dengan baik. "Apabila ada satu pihak yang bertanggungjawab, pihak pengurusan boleh semak semula SOP (prosedur operasi standard) yang berkaitan, langkah-langkah keselamatan berkaitan dan perkara-perkara yang tidak mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sektor Awam Peringkat Terengganu di sini hari ini yang turut dihadiri Pengarah JKKP Negeri, Ir Dasuki Heak.

Mengulas lanjut, Azih berkata jumlah tuntutan ex-gratia bagi penjawat awam disebabkan kemalangan atau kesihatan pekerjaan dari tahun 2012 hingga 2015 adalah tinggi iaitu berjumlah RM148,750,683.70. Disebabkan itu katanya, Ceupacs sudi bekerjasama dengan ketua-ketua perkhidmatan di agensi-agensi kerajaan dalam menubuhkan jawatankuasa itu antaranya memperluaskan bengkel yang diadakan hari ini itu di pelbagai agensi kerajaan di seluruh negara. "Kita juga ada DOSH (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan), NIOSH (Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara)...sebab itu kita mahu adakan kolaborasi secara NBOS (Strategi Lautan Biru Kebangsaan) bagi menjalin kerjasama erat dalam memastikan isu keselamatan dan kesihatan kepada semua sektor pekerjaan diberi perhatian serius sebelum kita melangkah menuju era negara maju," katanya. - Bernama

ISU: SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI 2017

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	24 MEI 2017 (RABU)	UTUSAN MALAYSIA Pemandu teksi, GrabCar, Uber wajib daftar Perkeso	PERKESO

AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA

Pemandu teksi, GrabCar, Uber wajib daftar Perkeso

KUALA LUMPUR - Semua pemandu teksi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) bagi Sabah dan Sarawak diwajibkan mendaftar Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.



KUALA LUMPUR - Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Datuk Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed bercakap kepada media pada Sidang Akhbar Perlaksanaan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri Bagi Pemandu Teksi Yang Berkerja Sendiri atau Perkhidmatan Seumpamanya, di sini, hari ini. Gambar-Mohd Farizwan Hasbullah Pemberita-Adlinahani (meja am utusan)

Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Datuk Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, skim di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (AKSPS 2017) itu akan berkuat kuasa pada 1 Jun ini dan meliputi mereka yang bekerja secara sendiri khususnya untuk pemandu teksi atau perkhidmatan seumpamanya seperti GrabCar dan Uber. "Pemandu teksi, GrabCar dan Uber yang berdaftar diwajibkan untuk mendaftar dengan skim berkenaan bagi

mewujudkan jaringan keselamatan sosial, selain menjamin kesinambungan hidup jika berlaku kemalangan atau kematian.

“Skim tersebut mempunyai faedah-faedah yang sama seperti di bawah Skim Bencana Kerja yang dicarum oleh majikan terhadap pekerja-pekerja swasta, kerajaan mahupun secara sambilan,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini. Yang turut hadir, Pengurus Besar Bahagian Skim Pekerjaan Sendiri Perkeso, Mohd. Shahar Ismail. Dalam pada itu, Mohammed Azman menyatakan bahawa antara faedah yang bakal diterima pemandu teksi yang berdaftar dan mencarum di bawah skim tersebut termasuk faedah perubatan, hilang upaya sementara, hilang upaya kekal, elaun layan sentiasa, pengurusan mayat, pendidikan, orang tanggungan dan kemudahan pemulihan jasmani, vokasional dan program Kembali ke Kerja.

Jelas beliau, berdasarkan statistik SPAD, jumlah pemandu teksi yang berdaftar di Semenanjung sehingga April 2017 adalah sebanyak 52,888 (83 peratus), manakala bagi LPKP di Sabah dan Sarawak masing-masing berjumlah 6,178 (10 peratus) dan 4,596 (7 peratus). “Pemandu GrabCar dan Uber pula dianggarkan kira-kira 20,000 hingga 30,000 orang di seluruh negara dan semua jumlah tersebut dijangka meningkat dari semasa ke semasa.

“Sehubungan itu, Perkeso berharap kesemua yang terlibat dapat mendaftar skim tersebut dengan kadar segera bagi membantu mereka meluaskan jaringan keselamatan sosial,” ujarinya. Beliau juga memaklumkan, pemandu teksi boleh mula mendaftar dan mencarum secara atas talian hari ini melalui i-PERKESO dan kepada mereka yang sukar melakukan pendaftaran menggunakan internet, mereka boleh datang ke mana-mana pejabat Perkeso terdekat untuk pendaftaran.

Perkeso juga akan melakukan kerjasama dengan persatuan-persatuan pemandu teksi untuk melaksanakan program turun padang bagi tujuan penerangan, meningkatkan kesedaran, pendaftaran dan pembayaran caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.